AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 39
RUANGAN : LUAR NEGARA

# Penumpang Qantas wajib ambil vaksin




**PENUMPANG antarabangsa Qantas perlu mengambil suntikan vaksin Covid-19 sebelum menaiki pesawat. - AFP.**

**SYDNEY:** Penumpang antarabangsa perlu menjalani proses vaksinasi Covid-19 sebelum menaiki pesawat syarikat penerbangan Australia, Qantas.

Ketua Pegawai Eksekutif Qantas, Alan Joyce berkata, peraturan itu akan menjadi ketetapan dalam industri penerbangan bagi menjamin keselamatan penumpang daripada wabak koronavirus.

Katanya, peraturan baharu itu bakal dilaksanakan selepas vaksin Covid-19 sudah diedarkan kepada penduduk di seluruh dunia.

"Peraturan untuk mewajibkan setiap penumpang antarabangsa mendapatkan vaksin Covid-19 sebelum menaiki pesawat adalah antara langkah terbaik mencegah kes jangkitan.

"Kita mungkin mempertimbangkan ketetapan yang sama untuk penerbangan domestik, namun Qantas ingin mengutamakan peraturan itu terhadap penumpang antarabangsa yang masuk ke Australia," katanya.

Dalam perkembangan lain, vaksin yang dibangunkan oleh Universiti Oxford dan syarikat farmaseutikal AstraZeneca yang pada mulanya dilaporkan mampu mencegah jangkitan koronavirus sebanyak 70 peratus boleh ditingkatkan kepada 90 peratus dengan penambahan dos.

Pakar memberitahu, vaksin tersebut boleh digunakan dengan selamat tanpa kesan sampingan yang berbahaya, selain mudah disimpan berbanding dua lagi vaksin Covid-19 iaitu keluaran Pfizer dan Moderna.